

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS (TUARAN)**

**TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan agar keselamatan rakyat Malaysia di Sabah terjamin daripada ancaman-ancaman luar dan apakah cadangan supaya Kem Tentera Lok Kawi dipindahkan ke Pantai Timur akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan ke arah itu, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk memastikan kedaulatan negara terus dipelihara daripada sebarang bentuk ancaman. Sejak berakhirnya Operasi DAULAT pada 29 Jun 2013, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah meneruskan usahanya untuk memperkukuhkan pertahanan dan kedaulatan negara termasuklah di negeri Sabah.

Bagi memastikan keselamatan rakyat di Sabah khususnya di Pantai Timur Sabah terjamin daripada ancaman-ancaman luar, ATM bersama Pihak Penguatkuasaan Maritim Negara telah meningkatkan keupayaannya sebagai langkah menghadapi sebarang kemungkinan. ATM ketika ini, masih mengekalkan atur gerak trup dan aset dari ketiga-tiga Perkhidmatan, iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sebilang masa (24/7) dalam memperkukuhkan kawalan keselamatan di Kawasan Tanggungjawab (KTJ) daripada dibolosi penjenayah rentas sempadan atau ancaman-ancaman yang lain serta memperagakan kehadiran (*show of presence*) bagi mencegah sebarang ancaman keselamatan.

Aset-aset ATM yang sedang beroperasi di negeri Sabah terdiri daripada beberapa Batalion Infantri, Kompeni *Parachute* dan Kompeni Mekanize TDM, aset-aset TLDM termasuk Pangkalan Laut, aset-aset TUDM dan Pasukan-pasukan Khas daripada ketiga-tiga Perkhidmatan ATM.

Negara kita turut memeterai persepakatan dengan Filipina dan Indonesia melalui perjanjian *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern* pada 14 Julai 2016 bagi kerjasama menghalang atau menghadapi ancaman keselamatan serta jenayah rentas sempadan di kawasan perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

Bagi cadangan perpindahan Kem Lok Kawi, pihak ATM khususnya Tentera Darat melalui Pelan Strategik Tentera Darat telah memperkukuhkan Divisyen Ke-5 Infantri yang sebelum ini dikenali sebagai

*Task Force* 450 dan telah ditempatkan di Kota Kinabalu untuk memerintah 3 buah Briged Infantri di seluruh negeri Sabah seperti berikut:

1. **Keselamatan Pantai Barat Sabah.** Briged Ke-5 Infantri yang berada di Lok Kawi telah dipindahkan ke Kota Belud untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Barat Sabah. Pembinaan kem baru sedang dilaksanakan.
2. **Keselamatan Pantai Timur Sabah.** Briged Ke-13 (ESSCOM) yang telah ditukar nama menjadi Briged Ke-13 Infantri berpangkalan di Cenderawasih, Lahad Datu untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Timur Sabah. Pembinaan kem baru sedang dilaksanakan.
3. **Keselamatan Sempadan Daratan Sabah/Indonesia.** Briged Ke-32 Infantri dirancang ditubuh baru dalam RMK 12 di sekitar Pensiangan, Kalabakan dan Tawau untuk mengawal keseluruhan keselamatan sempadan daratan Sabah/Indonesia. Pasukan 8 RS telah dipindahkan dari Kem Sungai Rait, Miri ke Kem San Shui, Tawau.

Bagi penempatan kem tentera, tiada lagi rancangan perpindahan ke Pantai Timur, Sabah. Semua kem yang ada akan kekal sebagaimana di lokasi sekarang. Keselamatan di Pantai Timur akan dikawal selia oleh Briged Ke-13 Infantri yang berpangkalan di Cenderawasih, Lahad Datu.